

**Malaysia Perlu Urus Kewangannya Bagi Masa Depan - Najib
Bernama
7 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Jumaat, Malaysia perlu menguruskan kewangannya bagi masa depan.

Najib berkata demikian menerusi laman Twitternya yang dipautkan kepada blognya, www.1malaysia.com tentang ucapan beliau semasa Sidang Kemuncak dan Dialog Ekonomi Kebangsaan hari yang sama.

Najib menyampaikan ucapatama pada sidang kemuncak setengah hari bertema "Memacu Ekonomi Malaysia: Meneliti Punca Utama".

Dalam ucapan itu, Najib berkata Malaysia memerlukan pelaburan untuk menjadi makmur kerana pelaburan-pelaburan ini mewujudkan pekerjaan dan membangunkan ekonomi.

Sementara itu, dalam tweet yang berasingan, Perdana Menteri menyuarakan rasa terima kasihnya kepada semua wanita yang telah memberi inspirasi kepada kaum lelaki untuk menjadi lebih baik sebagai seorang insan, anggota masyarakat dan rakyat sebuah negara.

Tweet beliau itu adalah sempena Hari Wanita Antarabangsa 2014 yang jatuh pada hari Sabtu dan akan disambut di seluruh dunia.

Ia meraikan kejayaan wanita dalam bidang sosial, politik dan ekonomi di samping menumpukan perhatian dunia kepada perkara-perkara yang memerlukan tindakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020201>